Kemanusiaan Vol. 33, No. 2 (2026), 21–43

Dasar Tanah British: Impaknya Terhadap Populasi dan Corak Penggunaan Tanah di Kinta, Perak (1874–1939)

British Land Policy: Its Impact on Population and Land Use Patterns in Kinta, Perak (1874–1939)

NUR AIN MOHAMMAD MOKHTAR
*SITI NOOR HAFIZAH MOHAMED SHARIF

History Section, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

***Corresponding author:** snhafizah@usm.my

Published online: 30 October 2026

To cite this article: Nur Ain Mohammad Mokhtar dan Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. 2026. Dasar tanah British: Impaknya terhadap populasi dan corak penggunaan tanah di Kinta, Perak (1874–1939). KEMANUSIAAN *the Asian Journal of Humanities* 33(2): 21–43. https://doi.org/10.21315/kajh2026.33.2.2

To link to this article: https://doi.org/10.21315/kajh2026.33.2.2

Abstract. *This article examined the impact of British land policies on the population structure and land use patterns in Kinta, Perak, between 1874 and 1939. As a district rich in tin deposits, Kinta experienced significant changes when colonial land policies opened opportunities for foreign capitalists and migrant laborers to acquire and extensively cultivate land. These policies, intended to facilitate easy access to land, stimulated economic growth based on mining and plantation agriculture. However, at the same time, the local population was increasingly marginalised from active participation in the commercial mining and agricultural sectors. The influx of labour from China and India not only accelerated the development of strategic economic sectors but also significantly altered the district's demography. This study was situated within the discipline of history and employs a qualitative approach, specifically through the analysis of primary documentary sources. The main primary sources examined are the Annual Report on Social and Economic Progress of the People of Perak, the Census of State of Perak and the Annual Report of the Kinta Land Office. The article argued that British land policies not only reinforced the dominance of foreign capitalist interests but also created segregated land use and population structures, thereby contributing to persistent economic imbalance between ethnic groups and regions even after colonisation.*

Keywords and phrases: *British land policy, British colonial rule, Kinta, demography, land use pattern*

© *Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/).*

Abstrak. Artikel ini meneliti impak dasar tanah British terhadap struktur populasi dan corak penggunaan tanah di Kinta, Perak dalam tempoh 1874 hingga 1939. Sebagai sebuah daerah yang kaya dengan deposit bijih timah, Kinta telah mengalami perubahan besar apabila dasar tanah kolonial membuka ruang kepada pemodal dan buruh asing untuk memiliki serta mengusahakan tanah secara meluas. Dasar tanah yang dirangka bagi memudahkan akses terhadap tanah ini telah merangsang pertumbuhan ekonomi berasaskan perlombongan dan perladangan. Namun, pada masa yang sama, berlaku peminggiran masyarakat tempatan daripada terlibat secara aktif dalam sektor perlombongan dan pertanian komersial. Kemasukan buruh dari China dan India bukan sahaja mempercepatkan perkembangan sektor ekonomi, tetapi juga mengubah demografi daerah ini dengan ketara. Kajian disiplin sejarah ini menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu analisis dokumen sumber primer. Antara sumber primer utama yang dianalisis ialah *Annual Report on Social and Economic Progress of the People of Perak*, *Census of State of Perak* dan *Annual Report Kinta Land Office*. Penulisan ini menghujahkan bahawa dasar tanah British bukan sahaja memperkukuh penguasaan ekonomi kapitalis asing, malah menghasilkan struktur penggunaan tanah dan komposisi penduduk yang bersifat menyisih, sekaligus mewujudkan jurang ekonomi berterusan antara kaum dan wilayah sekalipun selepas penjajahan.

Kata kunci dan frasa: Dasar tanah British, pemerintahan kolonial British, Kinta, demografi, corak penggunaan tanah

Pengenalan

Menurut laporan tahunan, Kinta merupakan daerah yang dikhususkan oleh British untuk kegiatan perlombongan. Daerah Kinta sebenarnya telah menjadi daerah perlombongan lebih awal lagi, iaitu sebelum kehadiran British. Pada zaman pemerintah asal, orang Melayu bersama-sama dengan orang Siam telah pun terlibat dengan kegiatan perlombongan di Kinta (Hale 1885, 305). Namun, kegiatan mereka tidaklah diusahakan secara besar-besaran seperti di bawah pentadbiran British.

Permulaan perlombongan secara besar-besaran adalah apabila British menubuhkan Majlis Mesyuarat Negeri (MMN) sebagai sebuah badan penasihat di Perak (Sadka 1968, 176). Namun, sebagai sebuah badan perundangan dan eksekutif, MMN mempunyai bidang kuasa yang luas. Hal ini membolehkan mereka meluluskan undang-undang tanah melalui kaedah "Sultan in Council" (Ahmad Kamal 1999, 24). Sebelum kewujudan MMN, peraturan-peraturan yang diperkenalkan dilaksanakan menerusi proklamasi yang dipersetujui oleh Sultan, tanpa pengabsahan daripada sesiapa pun. Sebaliknya, ketika pemerintahan British pengabsahan diwajibkan untuk penggubalan perundangan. Faktor ini telah membuka ruang dan mendorong golongan kapitalis mendesak pihak British agar mengemukakan syarat pemberian hak milik tanah persendirian dengan segera. Tuntutan ini bertujuan memastikan pemilikan tanah tidak dipertikaikan,

sekaligus membolehkan mereka memperkenalkan dan mengembangkan industri baharu di Perak (Wilkinson 1908, 174). Maka, melalui MMN, pihak British telah memperkenalkan perundangan tanah umum yang pertama dan dilaksanakan secara seragam di Perak pada tahun 1879 (Wilkinson 1971, 182–187). Sektor perlombongan mula terkesan secara besar-besaran akibat kemasukan modal dan buruh asing (Jackson 1963). Secara tidak langsung berlaku perubahan ketara dalam pola komposisi penduduk di Kinta yang akhirnya mempengaruhi corak kepenggunaan tanah di Kinta.

Sorotan Kajian Lepas

Tujuan dan kesan dasar tanah British terhadap ekonomi dan sosial telah dibincangkan oleh Wong (1975), Wilson (1975), Lim (1977), Kratoska (1983), Ahmad Nazri (1985), Nik Haslinda (2011), Nurizwanfaizi dan Ahmad Kamal Ariffin (2023; 2024) dan Siti Noor Hafizah dan Nazarudin (Forthcoming). Wong (1975) dan Nik Haslinda (2011) menghujahkan bahawa perundangan British bertujuan memudahkan pihak kapitalis memiliki tanah pada harga yang murah untuk mengusahakan kegiatan perlombongan dan perladangan. Menurut Wilson (1975) pula, pihak British ingin meningkatkan hasil kerajaan melalui kutipan cukai tanah. Berkaitan kesan dasar tanah British pula, Lim (1977), Kratoska (1983), Ahmad Nazri (1985), Siti Noor Hafizah (2019) serta Nurizwanfaizi dan Ahmad Kamal Ariffin (2023; 2024) menyatakan bahawa Enakmen Tanah Simpanan Melayu 1913 dan Enakmen Tanah Padi, 1917 adalah bertujuan untuk mengekalkan orang Melayu dengan tanaman padi selain mengelakkan mereka daripada terlibat dengan tanaman getah. Siti Noor Hafizah dan Nazarudin (Forthcoming) pula pula menghujahkan bahawa niat dan tujuan British tersebut, merupakan antara faktor signifikan yang menyebabkan berlakunya isu kehilangan tanah dalam kalangan orang Melayu. Hal ini adalah kerana mereka tidak berpeluang meningkatkan pendapatan melalui kegiatan penanaman getah yang pada waktu itu lebih menguntungkan. Situasi ini akhirnya mempengaruhi kemampuan orang Melayu menjelaskan cukai tanah. Akibatnya, tanah mereka terpaksa dilelong atau diambil alih oleh kerajaan. Namun, penulisan berkaitan dasar tanah British masih belum memperincikan kesan pelaksanaan dasar tanah mereka yang menyebabkan komposisi populasi di sesebuah kawasan menjadi tidak seimbang dengan penumpuan penduduk mengikut etnik.

Sebaliknya, penulisan berkaitan aspek demografi penduduk Tanah Melayu, seperti Vlieland (1934), Smith (1952), Hirschman dan Yeoh (1979), Khoo (1998) dan Saw (2007) pula sering kali mengaitkannya dengan penghijrahan masuk imigran asing ekoran dasar liberal British terhadap keperluan buruh bagi menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan pesat ekonomi komersial

utama, iaitu perlombongan dan perladangan getah. Pandangan ini tidak dinafikan benar, namun terdapat asas lain yang sangat penting yang menyumbang kepada penghijrahan dan pertumbuhan pesat aspek ekonomi tersebut, iaitu dasar tanah British. Maka, perundangan tanah di satu sisi telah membantu merangsang penerokaan tanah dan sekaligus menggiatkan lagi pertumbuhan ekonomi. Namun di sisi yang lain, perundangan yang bersandarkan kepada kepentingan ekonomi pentadbir British, telah menyebabkan pembahagian dan permohonan tanah diasaskan pada fungsi ekonomi mengikut kawasan. Oleh hal yang demikian orang Melayu kekal terasing daripada kerangka ekonomi perlombongan timah dan perladangan getah. Dasar tanah British akhirnya membentuk pola penggunaan tanah yang bersifat etnik, sekali gus menyumbang kepada perubahan struktur demografi di kawasan tertentu, seperti yang berlaku di Kinta, Perak, yang merupakan kawasan perlombongan utama di negeri-negeri Melayu pada ketika itu. Maka aspek ini wajar diperincikan untuk melihat kesan dasar tanah yang menyebabkan berlakunya perubahan demografi penduduk dan pola penggunaan tanah mengikut kaum yang ketara di sesebuah kawasan.

Perubahan Pola Penduduk di Kinta

Pada tahun 1882, hanya terdapat kira-kira 4,000 orang Cina di Kinta. Jumlah ini kemudian meningkat kepada lebih daripada 5,000 orang pada tahun 1884. Jumlah ini meningkat mendadak kepada 18,000 orang pada tahun 1886, sebelum meningkat lagi kepada 25,000 orang pada tahun 1887. Sehingga tahun 1888, jumlah populasi Cina telah berjumlah 38,000 orang (Tate dan Chai 1962, 14), walaupun pada tahun yang sama tersebut, eksport bijih timah di Kinta kurang berbanding daerah Larut. Hanya selepas tahun 1888, pengeluaran bijih timah Kinta mula meningkat dan mengatasi pengeluaran bijih timah Larut (rujuk Jadual 1).

Jadual 1. Eksport bijih timah negeri Perak dalam pikul (1874–1893)

Tahun	Larut (Pikul)	Kinta (Pikul)	Daerah lain (Pikul)	Jumlah (Pikul)	Jumlah (Tan)
1874	11,000	–	–	11,000	650
1875	30,000	–	–	30,000	1,790
1876	31,000	–	7,000	38,000	2,260
1877	40,000	–	9,000	49,000	2,920
1878	46,000	–	12,000	58,000	3,450
1879	55,000	–	14,000	69,000	4,110

(*Bersambung*)

Jadual 1. (*Sambungan*)

Tahun	Larut (Pikul)	Kinta (Pikul)	Daerah lain (Pikul)	Jumlah (Pikul)	Jumlah (Tan)
1880	79,000	15,000	–	94,000	5,240
1881	79,000	17,000	–	96,000	5,950
1882	95,000	19,000	7,000	121,000	7,200
1883	125,000	25,000	9,000	159,000	9,460
1884	127,000	34,000	10,000	172,000	10,240
1885	104,000	47,000	11,000	162,000	9,640
1886	94,000	63,000	27,000	184,000	10,950
1887	103,000	86,000	27,000	216,000	12,860
1888	102,000	100,000	16,000	218,000	12,980
1889	104,000	119,000	13,000	236,000	14,050
1890	95,000	130,000	12,000	237,000	14,110
1891	86,000	145,000	11,000	242,000	14,400
1892	72,000	193,000	13,000	278,000	16,550
1893	70,000	231,000	15,000	316,000	18,810

Sumber: Yip (1969, 60)

Jadual 1 menunjukkan peranan Larut sebagai daerah perlombongan bijih timah utama bagi Perak. Walaupun pada tahun 1884 daerah Larut mencapai pengeluaran bijih timah tertinggi dengan mencatatkan sebanyak 127,000 pikul berbanding tahun-tahun sebelumnya, pada ketika itu daerah Larut sebenarnya sudah menunjukkan tanda-tanda kekurangan sumber bijih timah (Wong 1959, 275). Tambahan pula, harga purata bijih timah pada tahun yang sama turut menurun. Pada tahun tersebut, harga purata timah berjumlah GBP80.19.10d bagi setiap tan berbanding dengan harga purata timah pada tahun 1882, yang berjumlah GBP106.15.9d setiap tan (Wong 1959, 275).[1] Penurunan harga yang begitu ketara menyebabkan lombong di Larut tidak lagi menghasilkan keuntungan apabila harganya jatuh di bawah tahap pengeluaran terendah. Hal ini bermakna kos pengeluaran bijih timah lebih tinggi daripada pendapatan yang diperoleh akibat daripada harga jualan yang rendah. Kesannya, banyak lombong di Larut ditinggalkan dan tidak lagi beroperasi. Oleh hal yang demikian, eksport bijih timah di Larut jatuh kepada 104,000 pikul berbanding 127,000 pikul pada tahun sebelumnya.[2] Namun, semasa Larut sedang berhadapan dengan kekurangan pengeluaran bijih timah, daerah Kinta menunjukkan peningkatan secara berterusan dalam pengeluaran bijih timah. Hal ini membolehkan Kinta

mengatasi pengeluaran bijih timah Larut buat kali pertama pada tahun 1889. Pada tahun ini, pengeluaran bijih timah di Kinta berjumlah 119,000 pikul berbanding dengan daerah Larut yang mencatatkan sebanyak 104,000 pikul. Oleh hal yang demikian, penurunan dalam pengeluaran bijih timah di Larut yang diiringi dengan pertambahan pengeluaran bijih timah di Kinta, telah menjadikan daerah ini sebagai pengeluar bijih timah yang utama di Perak.

Selain kekurangan pengeluaran bijih timah di Larut, peningkatan berterusan dalam pengeluaran bijih timah di Kinta sebenarnya berkait rapat dengan perundangan tanah yang diperkenalkan oleh British untuk menggalakkan perkembangan kegiatan perlombongan di Kinta. Hal ini berlaku kerana pada peringkat awal, British telah memperkenalkan undang-undang berkaitan pajakan tanah lombong dengan bayaran royalti sebanyak USD2 bagi setiap bahar. Kadar tersebut jauh lebih rendah berbanding kadar asal yang ditetapkan oleh pembesar Melayu sebelumnya, iaitu USD10 bagi setiap bahar (Maxwell 1901, 1). Penetapan kadar pembayaran royalti yang rendah bertujuan untuk mengurangkan perbezaan kos pengeluaran bijih timah di Kinta dengan Larut (Sultan Nazrin Shah 2024, 136). Walaupun kekacauan politik pada ketika itu menghalang pertumbuhan kegiatan perlombongan di Kinta, namun perundangan tanah yang diperkenalkan sejak awal telah menyediakan tapak yang kukuh bagi membolehkan British menguatkuasakan dasar-dasar tanah untuk mencapai matlamat ekonominya. Sejajar dengan tanda-tanda kekurangan sumber bijih timah di Larut, perundangan tanah British secara tidak langsung memainkan peranan penting untuk mengalih dan menarik masuk modal dan buruh Cina untuk bekerja di lombong di Kinta. Hal ini menyebabkan berlakunya peningkatan dalam pengeluaran bijih timah di Kinta sehingga mengatasi daerah Larut yang sekian lama berperanan sebagai pengeluar bijih timah yang utama di Perak.

Dasar tanah British yang merancakkan kemasukan pemodal dan buruh Cina dalam jumlah besar di Kinta menyebabkan berlakunya perubahan yang ketara dalam komposisi kaum di situ seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 dan Jadual 3.

Berdasarkan Jadual 2 dan 3, orang Melayu merupakan kaum yang dominan sebelum berlakunya perpindahan besar-besaran buruh Cina dan India ke Kinta. Namun demikian, keadaan ini berubah sepenuhnya dalam tempoh 12 tahun (tahun 1879 hingga 1891), apabila jumlah orang Cina meningkat secara luar biasa (hampir 40 kali ganda) daripada 996 orang kepada 39,513 dengan kadar 3,867.97%. Peningkatan ini menjadikan orang Cina sebagai kaum yang dominan di Kinta. Hal ini kerana populasi orang Melayu pada tempoh masa yang sama hanya mencatat peningkatan dua kali ganda sahaja. Buktinya, populasi orang

Melayu meningkat daripada 7,863 orang kepada 14,590 orang, iaitu dengan kadar 85.55%. Bagi orang India pula, walaupun jumlah populasinya lebih rendah berbanding orang Melayu, orang India juga mencatatkan peningkatan yang tinggi sehingga 60 kali ganda, iaitu meningkat daripada 40 orang kepada 2,645 orang, dengan kadar pertumbuhan sebanyak 6,512.50%.

Jadual 2. Jumlah penduduk bagi daerah Kinta mengikut kaum dari tahun (1879–1931)

Kaum	Tahun					
	1879 (orang)	1891 (orang)	1901 (orang)	1911 (orang)	1921 (orang)	1931 (orang)
Melayu	7,863	14,590	18,273	27,944	31,176	35,103
Cina	996	39,513	93,063	133,436	123,278	170,339
India	40	2,645	8,268	21,658	29,001	41,462
Jumlah	8,899	56,220	119,604	183,038	183,455	246,904

Sumber: *The Singapore and Straits Directory for 1881* (1881, 95); *Census of State of Perak 1891* (1982, 3); Hare (1902, 105); Pountney (1911, 94); Nathan (1922, 156); Vlieland (1932, 122–123)

Jadual 3. Peratusan perkembangan penduduk bagi daerah Kinta mengikut kaum (1879–1931)

Kaum	Tahun					
	1879 (%)	1891 (%)	1901 (%)	1911 (%)	1921 (%)	1931 (%)
Melayu	–	+85.55	+25.24	+52.92	+11.57	+12.60
Cina	–	+3,867.97	+135.53	+43.39	−7.62	+38.18
India	–	+6,512.50	+212.61	+161.99	+33.92	+42.96

Sumber: Dikira berdasarkan Jadual 2

Walaupun jumlah orang India lebih rendah berbanding orang Melayu pada ketika itu, perangkaannya mula berubah pada tahun 1931. Pada tahun ini, populasi orang India di Kinta berjumlah 41,462 orang, iaitu peningkatan sebanyak 42.90% berbanding dekad sebelumnya. Populasi Melayu pula adalah seramai 35,103 orang, iaitu meningkat 12.60% sahaja berbanding dekad sebelumnya. Maka jumlah orang India mengatasi orang Melayu seramai 6,359 orang. Akibat perkembangan populasi ini, terbukti bahawa jumlah orang Melayu di Kinta kekal rendah berbanding orang Cina dan India, sekaligus menunjukkan perubahan ketara dalam komposisi kaum di Kinta. Persoalannya, apakah yang menyebabkan populasi orang Melayu di Kinta kekal rendah berbanding orang Cina dan India?

Corak Penggunaan Tanah

Perlombongan dan perladangan getah

Jumlah populasi orang Melayu di Kinta yang kekal rendah berbanding orang Cina sebenarnya terkait dengan dasar tanah British itu sendiri yang menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan dalam corak penggunaan tanah di Kinta. Memandangkan British menyesuaikan dasar tanahnya mengikut kepentingan ekonomi yang terdapat di sesuatu kawasan, British memberi keutamaan kepada sektor perlombongan di Kinta berbanding penanaman padi yang kebanyakannya diusahakan oleh orang Melayu.[3] Tambahan pula, sektor pertanian memerlukan banyak sokongan dan bimbingan khususnya di kawasan pertanian yang belum diteroka. Keadaan ini menyebabkan British cenderung mengutamakan kegiatan perlombongan yang dianggap kurang memerlukan galakan, namun mampu memberikan pulangan hasil yang lebih cepat dan lumayan (CO 438/1–2 1889, 15). Tambahan pula, Kinta merupakan kawasan yang sangat kaya dengan sumber bijih timah. Buktinya berdasarkan penyataan Residen yang menyatakan bahawa, walaupun pada peringkat awal operasi besar perlombongan seperti di Larut belum lagi wujud di Kinta, Kinta mempunyai jumlah lombong yang lebih banyak berbanding Larut (CO 438/1–2 1888, 37). Yip (1969) berpendapat bahawa, peralihan kegiatan perlombongan dari Larut ke Kinta berlaku disebabkan tanah di Kinta mempunyai deposit bijih timah yang lebih kaya dan lebih luas berbanding Larut (Yip 1969, 59). Bagi membolehkan tanah yang kaya dengan sumber bijih timah diusahakan oleh pemodal-pemodal luar, khususnya kapitalis British dan kapitalis Cina, maka pentadbiran British bertindak memudahkan urusan permohonan tanah di Perak untuk dimiliki dan diusahakan oleh orang asing. Dengan cara ini, mereka boleh melabur dan mengerjakan sektor perlombongan seperti yang arahan pentadbir British yang sejak awal lagi mahukan setiap lombong yang terbiar di Perak dibuka dan diusahakan dalam tempoh enam bulan. Jika gagal dipatuhi, tanah tersebut akan diambil semula oleh kerajaan untuk diberikan kepada pihak lain tanpa sebarang tuntutan daripada pemilik tanah yang asal (Maxwell 1901, 1). Secara tidak langsung hal ini mendorong kepada peningkatan dalam pemberian hak milik tanah bagi tujuan perlombongan di Kinta. Perkara ini ditunjukkan dalam jadual berkaitan jumlah keseluruhan tanah perlombongan yang diberi hak milik di Kinta, seperti Jadual 4.

Jadual 4. Jumlah keseluruhan tanah perlombongan yang diberi hak milik kekal di Perak

Daerah	Jumlah keluasan (ekar)		
	Tahun 1890	Tahun 1895	Tahun 1900
Larut	7,209	8,044	8,560
Matang	–	–	–
Kuala Kangsar	1,290	3,068	4,927
Hulu Perak	–	33	1,409
Kinta	11,297	33,406	76,567
Hilir Perak	–	–	4
Batang Padang	2,151	6,256	17,235
Kerian	–	–	–
Selama	10	103	82
Jumlah	21,975	50,910	108,821

Sumber: CO 438/1–2 (1890; 1895; 1900)

Jadual 4 menunjukkan bahawa semasa dekad-dekad awal di bawah pentadbiran British, Kinta mencatatkan keluasan pemberian hak milik tanah perlombongan tertinggi berbanding daerah-daerah lain di Perak. Pemberian hak milik yang berjumlah 11,297 ekar pada tahun 1890, merangkumi hampir 51.40% daripada jumlah keseluruhan tanah perlombongan di Perak. Lima tahun berikutnya, pada tahun 1895, keluasan tanah perlombongan Kinta meningkat hampir tiga kali ganda hingga menjadikan keluasan tanah perlombongan yang diberi hak milik meningkat kepada 33,406 ekar. Jumlah tersebut merangkumi 65.60% daripada jumlah keseluruhan tanah perlombongan yang diberikan hak milik di Perak. Hal ini membuktikan kedudukan Kinta sebagai daerah perlombongan yang utama di Perak. Jika dibandingkan dengan Larut yang pernah berperanan sebagai daerah perlombongan yang utama sebelum daerah Kinta, keluasan perlombongan di daerah tersebut pada tahun 1895, hanya berjumlah 8,044 ekar, merangkumi 15.79% daripada jumlah keseluruhan tanah perlombongan yang telah diberi hak milik di Perak. Kedudukan daerah Kinta sebagai daerah perlombongan yang utama terus kekal pada tahun 1900 apabila keseluruhan tanah perlombongan yang diberi milik di Kinta terus meningkat kepada 76,567 ekar, iaitu 70.4% daripada jumlah keseluruhan tanah perlombongan yang diberi hak milik. Oleh hal yang demikian, ternyatalah bahawa British sememangnya memberi keutamaan terhadap sektor perlombongan di Kinta berdasarkan keseluruhan tanah perlombongan yang diberi hak milik, yang jumlahnya jauh lebih besar berbanding daerah-daerah lain di Perak, termasuklah Larut.

Keutamaan yang diberikan untuk permohonan tanah bagi sektor perlombongan menyebabkan daerah Kinta bukan sahaja menerima pelombong dari Larut tetapi juga pelombong dari kawasan lain seperti Kuala Kangsar dan Selama (Khoo 1969, 19–20). Hal ini menyebabkan daerah Kinta lebih menarik kemasukan bangsa asing terutamanya orang Cina yang datang untuk mengusahakan lombong-lombong di Kinta berbanding orang Melayu asing seperti yang berlaku di Kerian, Kuala Kangsar, Matang, Hulu Perak dan Hilir Perak. Bagi daerah-daerah yang terlibat dengan penanaman padi ini, kemasukan penghijrah Melayu asing lebih signifikan (Tunku Shamsul Bahrin 1967a; 1967b). Kemasukan beramai-ramai orang Cina ke Kinta membolehkannya memiliki jumlah pelombong yang menyamai hampir separuh daripada jumlah populasi di Kinta seperti yang berlaku pada tahun 1891 ketika populasi di Kinta berjumlah 56,220 orang manakala jumlah individu yang bekerja sebagai pelombong di Kinta mencatatkan seramai 26,023 orang. Daripada jumlah tersebut, 24,286 daripadanya adalah orang Cina, manakala selebihnya adalah orang Melayu dan tiga orang India (*Census of State of Perak*, 1891 1892, 1). Jika ditelitikan, pada tahun yang sama, Kerian yang berperanan sebagai kawasan pengeluaran padi utama di Perak tidak menunjukkan sebarang penglibatan daripada mana-mana individu dalam sektor perlombongan (*Census of State of Perak*, 1891 1892, 7–8). Hal ini demikian kerana masyarakat di Kerian melibatkan diri dalam sektor pertanian termasuklah orang Cina dan orang India yang kebanyakannya bekerja sebagai buruh dalam sektor perladangan. Bagi daerah Kerian, kawasan ini juga dikhususkan sebagai kawasan penanaman padi yang utama dan penting menyebabkan daerah ini lebih menarik penghijrahan masuk orang Melayu berbanding bangsa asing seperti yang yang berlaku di Kinta (*Census of State of Perak*, 1891 1892).

Penglibatan orang Cina dalam sektor perlombongan bukanlah sesuatu yang asing. Mereka diberikan keutamaan oleh British untuk terus terlibat dalam sektor perlombongan. Hal ini sebenarnya turut berkait rapat dengan peraturan-peraturan dalam perundangan tanah British itu yang begitu menekankan kepentingan untuk setiap tanah perlombongan diusahakan dengan modal dan kaedah yang baik serta penetapan jumlah tertentu dalam penggunaan buruh. Di bawah Seksyen 12 dalam The Mining Code, 1895, pentadbiran British telah menetapkan tempoh untuk tanah perlombongan diusahakan dalam masa 12 bulan daripada tarikh sijil atau pajakan perlombongan dikeluarkan oleh pejabat tanah. Seksyen ini juga menetapkan bahawa penyewa atau pemegang pajakan menggajikan buruh atau jentera yang diperlukan berdasarkan jumlah minima yang ditetapkan bagi mengusahakan tanah perlombongan. Mereka juga diwajibkan menambah dan mengekalkan bilangan buruh pada tahap yang ditetapkan selama 12 bulan berturut-turut (*Perak Government Gazette* 1895, 527). Justeru, hanya kapitalis Cina dan Eropah yang lebih berkemampuan untuk

mengusahakan tanah perlombongan. Mereka juga lebih berminat mengupah buruh Cina kerana kos upah yang rendah (Jomo 1988, 187; 199). Kesannya, kebanyakan orang Cina yang datang ke Kinta diserap sepenuhnya dalam sektor perlombongan. Maka, sektor lain khasnya perladangan, memerlukan tenaga buruh lain untuk memastikan kedua-dua sektor ini diusahakan secara seiringan dan supaya tenaga buruh tidak terlalu bergantung pada buruh Cina.

Sungguhpun demikian, kemasukan buruh asing ke daerah Kinta bukanlah semata-mata melibatkan orang Cina yang bekerja sebagai pelombong, malah turut melibatkan orang India yang pada awalnya diperlukan oleh British bagi membantu membangunkan kemudahan pengangkutan untuk memenuhi kepentingan perlombongan di Kinta.[4] Keperluan tersebut disebabkan kawasan lombong di Kinta terletak jauh di kawasan pedalaman dan ketiadaan kemudahan infrastruktur jalan darat moden telah menyukarkan lombong di Kinta untuk diusahakan. Justeru, golongan kapitalis dan orang Cina lebih cenderung mengerjakan lombong di Larut berbanding lombong di Kinta pada peringkat awal. Ketiadaan kemudahan jalan menyebabkan bijih timah dari Kinta perlu dihantar terlebih dahulu melalui sungai ke Teluk Anson sebelum dihantar ke Pulau Pinang (Tate dan Chai 1962, 14).[5] Pada masa yang sama, pelombong, makanan dan barang-barang keperluan juga terpaksa dihantar melalui jalan yang sama dan mengambil masa begitu lama untuk tiba ke destinasi yang dituju. Tambahan pula, tiada jalan darat yang sesuai untuk menghantar orang dan barang dari Kinta ke daerah-daerah lain di sebelah barat berbeza dengan Kuala Lumpur dan Larut. Masalah ketiadaan jalan darat yang sesuai berlarutan sehingga tahun 1884. Sehingga tahun 1884, hanya terdapat dua jalan di Kinta, iaitu jalan yang menghubungkan lombong Gopeng dengan pelabuhan di Kota Bahru dan jalan yang menghubungkan lombong Papan dengan tempat pendaratan di Batu Gajah (Tate dan Chai 1962, 14). Sehingga tahun 1890-an, Sungai Kinta masih menjadi laluan utama yang menghubungkan antara Ipoh dengan kawasan lain di Perak dan dunia luar. Oleh hal demikian, British memerlukan buruh India untuk membangunkan kemudahan pengangkutan di Kinta bagi memudahkan pergerakan tenaga buruh, bahan makanan, mesin, bahan binaan dan bijih timah (Tate dan Chai 1962, 14).

Kedudukan buruh India semakin penting dengan bermulanya ledakan harga getah pada tahun 1900. Keperluan buruh India melibatkan sektor perladangan getah yang merupakan sektor penting yang turut diberi perhatian oleh pentadbiran British bagi menyokong ekonomi yang berasaskan eksport.[6] Residen British[7] menghujahkan bahawa keperluan untuk mendapatkan buruh India adalah disebabkan oleh masalah kekurangan buruh tempatan kerana

penduduk tempatan lebih berminat bekerja sendiri dan enggan menerima upah atau gaji yang rendah seperti yang mampu dibayar oleh peladang. Oleh itu, kerajaan British di Perak terpaksa membawa masuk buruh India bagi menampung kekurangan buruh tersebut (CO 438/1–2 1889, 15).

Kemasukan buruh India secara beramai-ramai ke Kinta tercermin dalam keseluruhan tanah yang diberi milik bagi tujuan penanaman getah. Jumlah pemberian hak milik tanah untuk tujuan ini mencatatkan jumlah yang hampir menyamai dan kadangkala melebihi keluasan tanah yang diberi hak milik bagi tujuan perlombongan seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5 menunjukkan keluasan tanah yang telah diberi milik bagi tujuan perlombongan dan penanaman getah di Kinta. Secara keseluruhannya, hak pemilikan untuk perlombongan lebih tinggi berbanding dengan keluasan tanah yang telah diberi milik bagi tujuan penanaman getah sepanjang tempoh 20 tahun. Walau bagaimanapun, dalam beberapa tahun tertentu, terdapat pemberian hak milik yang lebih tinggi untuk penanaman getah. Misalnya, antara tahun 1924 dan 1929 dan antara tahun 1934 dan 1936. Bahkan, dalam tempoh akhir sebelum tamatnya fasa pertama penjajahan British di Tanah Melayu, keluasan tanah yang diberi milik bagi tujuan penanaman getah hampir menyamai keluasan tanah perlombongan dengan perbezaan hanya sebanyak 550 ekar. Perbezaan yang begitu kecil ini menunjukkan bahawa selain sektor perlombongan, British turut mengutamakan sektor pertanian komersial, khususnya perladangan getah yang berkembang pesat dan mencapai tahap komersial yang hampir setara dengan sektor perlombongan yang sebelum ini menjadi satu-satunya sektor utama di daerah Kinta.[8] Perkembangan sektor perladangan getah inilah yang menjadi faktor utama yang mendorong peningkatan secara berterusan populasi buruh India di Kinta (rujuk Jadual 2 dan 3).

Jadual 5. Keluasan tanah untuk penanaman getah dan perlombongan di Kinta (1920–1939)

Tahun	Keluasan tanaman getah (ekar)	Keluasan tanah perlombongan (ekar)
1920	57,835	87,366
1921	58,596	85,513
1922	66,100	82,581
1923	61,828	81,240
1924	81,756	74,885
1925	75,015	68,085
1926	85,052	63,860

(*Bersambung*)

Jadual 5. (*Sambungan*)

Tahun	Keluasan tanaman getah (ekar)	Keluasan tanah perlombongan (ekar)
1927	83,975	70,041
1928	82,775	74,603
1929	82,358	76,992
1930	74,000	80,447
1931	74,000	82,046
1932	74,000	83,705
1933	74,404	83,218
1934	87,307	83,153
1935	88,000	82,719
1936	88,000	82,791
1937	67,500	83,743
1938	38,144	84,122
1939	85,180	85,530
Jumlah	493,540	667,680

Sumber: CO 438, 1–2 (1920–1939)

Penanaman padi

Bagi orang Melayu yang secara tradisinya terlibat dalam sektor pertanian padi, mereka tidak digalakkan oleh pentadbir British untuk terlibat dalam sektor perlombongan dan pertanian komersial.[9] Pendekatan British adalah untuk mengekalkan orang Melayu dalam sektor pertanian padi sebagai langkah untuk memenuhi keperluan bekalan beras tempatan. Walaupun sektor pertanian sentiasa dianggap kurang penting di Kinta, British tetap menggalakkan kegiatan dalam sektor ini bagi mewujudkan komuniti yang tinggal secara tetap, memandangkan pelombong yang datang ke Kinta hanyalah datang untuk tujuan sementara (Khoo dan Abdur-Razzaq 2005, 51). Selain itu, pertanian secara tetap juga dilihat sebagai salah satu sumber hasil perbendaharaan negeri yang kekal untuk kerajaan, sedangkan sektor perlombongan bijih timah dijangka mampu merangsang ekonomi pada peringkat awal sahaja dan dikhuatiri akan habis satu masa nanti (Khoo dan Abdur-Razzaq 2005, 51). Hal ini tidaklah menghairankan kerana kegiatan perlombongan amat bergantung pada sumber bijih timah yang akan habis kemudiannya (Lim 1977, 14). Justeru, British berhasrat membangunkan sektor pertanian sebagai satu industri alternatif sekiranya industri perlombongan menghadapi kemerosotan (Khoo dan Abdur-Razzaq 2005, 51).

Sungguhpun demikian, sebab utama lain yang turut memaksa pentadbir British untuk membangunkan sektor pertanian ialah bagi memastikan bekalan makanan mencukupi untuk para pelombong dan mengurangkan kebergantungan kepada beras import (Khoo dan Abdur-Razzaq 2005, 51; Siti Noor Hafizah dan Mahani 2025). Langkah ini diambil kerana pada dekad-dekad awal pentadbirannya, pihak British di Perak berhadapan dengan masalah kekurangan bekalan beras tempatan yang menyebabkan kebergantungan yang tinggi terhadap bekalan beras dari luar negara (CO 438/1–2 1890, 10). Gabenor British, Sir Cecil Clementi Smith, dalam laporannya menekankan kepentingan bagi setiap kawasan jajahan British untuk mengurangkan kebergantungan terhadap bekalan beras dari luar negara (CO 438/1–2 1891, 10). Pada tahun 1884, misalnya, perbelanjaan mengimport beras di Perak adalah sebanyak USD1,042,117. Sebaliknya, jumlah eksport beras hanya berjumlah USD138,452 pada tahun yang sama. Hal ini menunjukkan bahawa Perak pada ketika itu sangat bergantung pada beras import untuk memenuhi keperluan penduduknya (Wray 1886, 13). Kesannya, pentadbiran British di Perak terpaksa membelanjakan sebanyak USD903,665 setahun untuk pengeluaran beras. Jumlah perbelanjaan ini adalah bersamaan dengan satu perempat daripada nilai pengeluaran bijih timah Perak (Wray 1886, 13). Keadaan ini amat merunsingkan pentadbiran British kerana populasi di Perak, terutamanya di Kinta, semakin meningkat.

Justeru, pentadbir British memerlukan orang Melayu supaya terus kekal dalam sektor penanaman padi bagi memastikan bekalan beras dapat disediakan kepada penduduk secara berterusan, khususnya bagi buruh Cina yang bekerja dalam sektor perlombongan. Bekalan beras yang mencukupi penting untuk memastikan produktiviti buruh Cina tidak terjejas akibat kekurangan nutrisi. Keperluan kolonial ini diterjemahkan melalui dasar dan instrumen perundangan seperti Enakmen Tanah Simpanan Melayu 1913, yang berfungsi mengikat masyarakat Melayu kepada sektor penanaman padi melalui syarat penggunaan tanah serta larangan terhadap tanaman komersial yang lebih menguntungkan seperti getah (Siti Noor Hafizah dan Mahani 2025).[10] Namun, pelaksanaan enakmen ini bukan sahaja mengekalkan corak ekonomi petani Melayu, malah telah mengehadkan peluang ekonomi mereka dalam sektor lain (Kratoska 1983, 150). Hal ini bukan sahaja tidak membantu mobiliti sosial dan ekonomi orang Melayu, malah menyebabkan mereka dibelenggu oleh isu hutang dan kehilangan tanah (Siti Noor Hafizah dan Nazarudin Forthcoming).

Hal ini berbeza dengan sikap British terhadap penanaman padi oleh orang Cina, misalnya. Walaupun tidak dinafikan bahawa orang Cina turut terlibat dalam sektor penanaman padi di Negeri-negeri Selat, namun dasar British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu tidak menggalakkan mereka mengusahakan sektor pertanian padi kerana penanaman padi dianggap sebagai warisan tradisi

orang Melayu (Khoo dan Abdur-Razzaq 2005, 51). Oleh hal demikian, dengan mengehadkan orang Melayu dalam sektor pertanian padi dan orang Cina dalam sektor perlombongan, satu-satunya pilihan yang ada pada ketika itu ialah membawa masuk buruh dari India Selatan di bawah syarat tertentu untuk bekerja dalam tempoh masa tertentu sebagai buruh dalam sektor perladangan getah (CO 438/1–2 1889, 15).

Disebabkan sikap British ini juga, perkembangan ekonomi di Kinta tidak memberi kesan ekonomi yang positif terhadap orang Melayu. Hal ini berkait rapat dengan tindakan pentadbir British yang mengekalkan orang Melayu dalam sektor penanaman padi melalui instrumen undang-undang tanah walaupun perolehan daripada sektor ini adalah yang terendah. Keadaan ini berlaku kerana petani terpaksa berhadapan dengan harga padi yang sentiasa rendah dan tidak stabil ekoran penghasilan beras import dari Siam dan Burma. Peningkatan mendadak dalam pengeluaran beras di Siam dan Burma pada tahun 1920, misalnya, menyebabkan harga beras tempatan jatuh ke tahap yang rendah (Siti Noor Hafizah 2019, 283). Walaupun harga belian segantang padi oleh pengilang mencapai nilai tertinggi (USD0.30) pada tempoh tersebut, berlaku penurunan mendadak pada tempoh yang sama juga. Harga menurun terendah menjadi 1/3 daripada harga sebelumnya (USD0.30) kepada hanya USD0.10 (Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif 2019). Harga padi yang rendah merupakan isu utama yang mempengaruhi pendapatan petani bukan sahaja di Kinta, malah di kawasan lain seperti Kerian. Harga padi yang kekal rendah di Kerian menyebabkan petani tidak dapat menampung kos penanaman padi pada tahun-tahun tertentu. Sebagai contoh, pada tahun 1922 dan 1926, padi di daerah ini mengalami kerugian sekitar USD1.80 bagi seekar apabila penghasilan petani tidak dapat menampung kos penanaman padi yang berjumlah antara USD30 hingga USD35 seekar (Siti Noor Hafizah dan Nazarudin Forthcoming, 23–24).

Petani padi di Kinta juga turut berhadapan dengan isu kerosakan hasil tanaman akibat masalah banjir (Ahmad Nazri 1985, 51).[11] Punca dan penyebab kerosakan tanaman ialah syarikat perlombongan yang membuang sisa perlombongan terus ke dalam sungai, seperti yang terjadi di Sungai Slim (CO 438/1–2 1915, 12). Walaupun tidak dinafikan masalah banjir yang berlaku di Kinta sebahagiannya adalah disebabkan oleh faktor setempat,[12] limpahan air di Sungai Kinta, Sungai Pari, Sungai Raia dan Sungai Kampar termasuklah anak-anak sungai yang mengalir ke sungai utama merupakan punca utamanya (KLO 64/1914 1914, 5–6). Di Sungai Dipang, mendapan sisa perlombongan menyebabkan paras air sungai melebih paras jalan sehingga mengakibatkan berlakunya banjir di beberapa kawasan sekitar sungai tersebut (KLO 64/1914 1914, 5–6). Sehubungan itu, Residen Perak, iaitu Sir Reginald George Watson dalam laporannya berpendapat bahawa kawasan perlombongan seperti di Kinta bukanlah kawasan yang sesuai untuk penanaman padi sawah (CO 438/1–2 1915, 10).

Beberapa usaha dan tindakan telah diambil oleh pentadbir British bagi membendung masalah banjir di Kinta. Misalnya, pada tahun 1915, pegawai Jabatan Kerja Raya menjalankan penyiasatan sepanjang tahun mengenai masalah mendapan lumpur di Sungai Kinta. Penemuan daripada siasatan ini membawa kepada pembinaan sebuah empangan besar di Sungai Sanglop oleh Syarikat Gopeng Consolidated. Sungguhpun begitu, usaha tersebut tidak membuahkan hasil apabila sisa lombong lama di bawah empangan tersebut dihanyutkan dan terkumpul lebih jauh ke bahagian hilir sehingga menyebabkan landasan kereta api berhampiran Kota Bharu (Kinta) terpaksa ditinggikan (CO 438/1–2 1915, 10). Masalah ini menyebabkan kerajaan bercadang untuk membina satu lagi empangan bagi menyelesaikan masalah mendapan sisa perlombongan tersebut (CO 438/1–2 1915, 10). Hasil pembinaan empangan tambahan di Sungai Sinju pada tahun 1924 telah berjaya menghalang pasir dari kawasan perlombongan lama daripada mengalir ke hilir (CO 438/1–2 1924, 8). Sungguhpun begitu, pembinaan empangan tersebut tidaklah menyelesaikan sepenuhnya masalah banjir di Kinta. Hal ini kerana kerja-kerja pengurusan sungai masih lagi dibincangkan dan dilaksanakan oleh British sehinggalah tahun 1939 (CO 438, 1–2 1939, 54).

Walaupun pentadbir British berusaha menyelesaikan masalah banjir di Kinta, namun mereka masih mengutamakan kepentingan sektor perlombongan yang merupakan antara penyebab utama masalah banjir di Kinta. Misalnya, Pesuruhjaya Tinggi British di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Sir Arthur Henderson Young dalam ucapannya di hadapan sekumpulan pelombong di Kinta pada April 1918, menegaskan supaya para pelombong terus berusaha untuk meningkatkan pengeluaran bijih timah. Beliau turut bertindak melonggarkan sekatan pembuangan sisa perlombongan dengan arahan agar kawasan perlombongan yang sebelumnya ditutup dibuka kembali sebagai usaha meningkatkan pengeluaran bijih timah (CO 438/1–2 1918, 8). Jabatan Perhutanan juga turut diarahkan membuka kawasan hutan yang baharu bagi menyediakan bekalan kayu api yang mencukupi kepada para pelombong. Kesannya, kawasan Rizab Hutan di Kinta dibenarkan untuk diteroka bagi tujuan perlombongan (CO 438/1–2 1918, 8). Tindakan sebegini terus menyumbang dan menyulitkan penyelesaian kepada masalah banjir yang sering berlaku di Kinta (CO 438/1–2 1939, 54). Kegagalan pentadbir British mengetepikan kepentingan sektor perlombongan dalam mengatasi isu banjir di Kinta memberi impak negatif kepada sektor pertanian padi yang dikerjakan oleh orang Melayu di Kinta sehinggakan penanaman padi terjejas setiap kali berlakunya banjir.

Sekalipun dengan pelbagai masalah yang dihadapi, masyarakat di Kinta khususnya orang Melayu masih mengusahakan penanaman padi. Namun, jumlah keluasan penanaman padi di daerah ini semakin mengecil (CO 438/1–2 1892, 3). Buktinya dapat dilihat daripada jumlah keluasan kawasan penanaman padi di Kinta seperti yang dibentangkan dalam Jadual 6.


Bagi tahun 1910, jumlah untuk daerah Kerian merangkumi jumlah bagi Selinsing dan Selama manakala jumlah untuk daerah Larut termasuk Larut dan Matang. Bagi tahun 1935 pula, jumlah bagi daerah Larut termasuk Matang dan Selama.

Jadual 6 dan Rajah 1 menunjukkan bahawa dari tahun 1910 hingga tahun 1935, keluasan pertanian padi di Kinta kekal pada paras terendah. Walaupun pada awalnya daerah Batang Padang memiliki keluasan pertanian padi paling rendah berbanding daerah lain di Perak, dalam tempoh lima tahun berikutnya daerah berkenaan menunjukkan peningkatan daripada 1,035 ekar kepada 2,858 ekar pada tahun 1915. Pada tempoh yang sama, Kinta menunjukkan penurunan ke paras terendah, iaitu dari 1,389 ekar kepada 214 ekar, menjadikan Kinta sebagai daerah dengan keluasan pertanian padi paling rendah berbanding daerah lain di Perak (CO 438/1–2 1915, ix; lihat juga Rajah 1). Pada tahun 1920, keluasan pertanian padi di Kinta kembali meningkat kepada 774 ekar berbanding 214 ekar pada tahun 1915. Sungguhpun begitu, peningkatan tersebut masih begitu rendah jika dibandingkan dengan keluasan tanah perlombongan yang berjumlah 87,336 ekar dan pertanian getah yang berkeluasan 57,835 ekar pada tahun yang sama. Peningkatan tersebut berlanjutan sehingga tahun 1925 apabila keluasan pertanian padi meningkat kepada 3,171 ekar berbanding 774 ekar pada tahun 1920. Namun begitu, keluasan pertanian padi kembali menunjukkan penurunan kepada 2,158 ekar pada tahun 1930 dan terus menurun kepada 872 ekar pada tahun 1935. Keluasan tersebut jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan keluasan tanah perlombongan yang berkeluasan 82,719 ekar dan keluasan tanah pertanian getah yang berkeluasan 88,000 ekar pada tahun tersebut. Oleh itu, keluasan pertanian padi yang jauh lebih rendah berbanding dengan keluasan tanah perlombongan dan pertanian getah menunjukkan bahawa British tidak memberi perhatian terhadap sektor pertanian padi di Kinta. Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan ketidakseimbangan dalam corak penggunaan tanah di Kinta. Maka, tidak hairanlah sekiranya populasi orang Melayu di Kinta pada akhirnya kekal rendah berbanding orang Cina dan India yang amat diperlukan oleh British untuk mengerjakan sektor perlombongan dan pertanian komersial.

Jadual 6. Keluasan tanaman padi mengikut daerah di Perak (1910–1935)

Daerah	Jumlah keluasan (ekar)					
	1910	1915	1920	1925	1930	1935
Hilir Perak	4,182	4,399	13,142	4,778	4,470	5,667
Kerian	60,132	51,662	54,373	54,823	49,770	50,000
Larut		9,279	13,033	13,053	12,051	12,219
Kuala Kangsar	13,264	10,381	17,904	24,755	17,982	23,170
Kinta	1,389	214	774	3,171	2,158	872
Batang Padang	1,035	2,858	18,312	2,332	2,385	1,926
Hulu Perak	6,700	5,753	6,979	4,834	5,576	5,014
Dindings	-	-	-	-	-	560
Jumlah	86,693	84,546	124,517	107,746	94,353	99,418

Sumber: CO 438/1–2 (1910; 1915; 1920; 1925; 1930; 1935)



Rajah 1. Keluasan tanaman padi di daerah Kinta, Perak (1910–1935)

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Jadual 6

Kesimpulan

Perundangan dan dasar tanah pentadbir British sememangnya mempengaruhi struktur demografi dan ekonomi di Kinta dengan memberi keutamaan kepada golongan pemodal asing untuk memenuhi kepentingan ekonomi kolonial. Golongan ini pula lebih berminat untuk menggajikan buruh Cina dengan upah yang lebih rendah, tanpa sebarang kekangan atau bantahan daripada pentadbir British, bagi mengatasi masalah ini. Dengan demikian, berlaku peminggiran terhadap orang Melayu dalam sektor ekonomi utama yang menyumbang kepada pola penggunaan tanah yang tidak seimbang. Orang Melayu kekal dalam kegiatan penanaman padi sekalipun sektor ini berdepan pelbagai kekangan dan cabaran seperti harga padi yang sentiasa rendah, tanaman yang tidak menjadi akibat faktor cuaca, serta isu saliran yang tercemar akibat sisa buangan daripada kegiatan perlombongan. Hal ini akhirnya turut memengaruhi penghasilan dan pendapatan mereka. Natijahnya, wujud jurang dalam aspek ekonomi dan sosial apabila peluang ekonomi tidak dinikmati secara seimbang oleh semua kelompok masyarakat. Justeru, jelaslah bahawa dasar tanah kolonial yang bersifat eksploitatif dan berteraskan kepentingan penjajah menjadi punca utama kepada ketidakseimbangan pembangunan antara kaum dan antara wilayah, bukan sahaja di Perak, malah di Tanah Melayu secara keseluruhannya. Maka, adalah penting supaya sebarang pelaksanaan dasar tidak bersifat terpilih dan tertumpu semata-mata pada pertumbuhan dan perkembangan ekonomi. Sebaliknya, pelaksanaan dasar perlulah bersifat inklusif dengan mengambil kira kepentingan semua pihak supaya tidak berlaku jurang sosial dan ekonomi yang besar sama ada antara kaum dengan etnik mahupun antara wilayah.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Universiti Sains Malaysia atas sokongan kewangan melalui Geran Jangka Pendek (304/PHUMANITI/6315744).

Nota

1. Angka yang digunakan bagi merujuk kepada harga purata bijih timah adalah berasaskan kepada sistem mata wang lama British yang digunakan sebelum tahun 1971, iaitu sistem yang menggunakan simbol "GBPsd". Berdasarkan sistem tersebut, simbol "GBP" mewakili *pound*, simbol "s" mewakili *shilling* manakala simbol "d" mewakili *pence* (The Royal Mint Museum, n.d.).

2. Misalnya, kerugian yang dialami oleh pelombong di Asam Kubang menyebabkan hampir semua lombong di situ ditinggalkan dan tidak lagi beroperasi. Hal ini menyebabkan antara 1,000 hingga 3,000 buruh Cina berpindah keluar dari Larut ke kawasan perlombongan lain yang lebih menguntungkan.
3. Pada tahun 1891, seramai 8,193 orang Melayu di Kinta yang terlibat dalam aktiviti penanaman padi, iaitu lebih separuh daripada jumlah populasi orang Melayu di Kinta pada ketika itu yang mencatatkan seramai 14,590 orang (*Census of State of Perak*, 1891 1892, 7).
4. Berkaitan dengan kepentingan buruh asing untuk aktiviti perlombongan dan getah, lihat penulisan seperti Jackson (1961).
5. Kedudukan Teluk Anson sebagai pelabuhan semakin penting apabila jalan keretapi yang menghubungkan Tapah dan Teluk Anson siap dibina pada tahun 1893 dan kemudian jalan keretapi ini dihubungkan pula dengan Ipoh yang siap dibina dua tahun kemudiannya (Khoo 1995, 39).
6. Walaupun sektor pertanian komersial seperti perladangan tebu dan kopi telah pun diusahakan oleh kapitalis Eropah sebelum tahun 1874, namun semua pertanian dan perdagangan pada tempoh tersebut tidaklah melibatkan penggunaan tanah yang luas dan modal yang banyak. Penggunaan tanah bagi tujuan pertanian komersial mula mengalami perubahan sebenar apabila getah diperkenalkan di Tanah Melayu (Ahmad Nazri 1985, 34–35).
7. Rekod ini tidak menamakan residen tersebut. Namun pada tahun 1889, terdapat dua pegawai British yang menjawat jawatan sebagai Residen British di Perak, iaitu Sir Hugh Low (1 April 1876 hingga 31 Mei 1889) dan Sir Frank Swettenham (1 Jun 1889 hingga 30 Jun 1896).
8. Perkara ini diakui oleh Ahmad Nazri (1985, 34–35) dalam penulisannya yang berpendapat bahawa walaupun penggunaan tanah bagi tujuan pertanian komersial sudah berlaku sebelum kemunculan pentadbiran British di Tanah Melayu, namun penggunaan tanah pada ketika itu terhad kepada sektor perlombongan sahaja. Hal ini bermakna, dengan pengenalan getah di Tanah Melayu, sektor perlombongan tidak lagi menjadi satu-satunya sektor yang melibatkan penggunaan tanah yang luas, tetapi turut melibatkan sektor pertanian getah yang berlaku di Kinta seperti yang dicatat dalam Jadual 5. Hal ini sekali gus membuktikan bahawa di Kinta, keseluruhan tanah yang telah diberi milik bagi tujuan tanaman getah menyamai dan melebihi keluasan tanah yang diberi hak milik bagi tujuan perlombongan Kinta bermula pada tahun 1924.
9. Walaupun demikian, keadaan ini tidak bermakna tiada orang Melayu yang terlibat dalam sektor perlombongan ataupun pertanian komersial. Masih terdapat orang Melayu yang terlibat dalam sektor ini, namun jumlahnya sangat kecil jika dibandingkan dengan kaum lain. Misalnya, pada tahun 1891, terdapat seramai 1,735 pelombong Melayu di Kinta manakala pelombong Cina berjumlah seramai 24,286 orang. Pada tahun 1901, jumlah pelombong Melayu di Perak semakin menurun sehingga hanya seramai 1,368 orang, manakala orang Cina semakin meningkat kepada seramai 75,995 orang. Penglibatan orang India dalam kegiatan perlombongan pula, begitu sedikit dengan mencatatkan seramai 432 orang sahaja. Hal ini kerana kebanyakan orang India bekerja sebagai buruh di ladang dengan penglibatan seramai 18,723 orang. Jumlah tersebut sangat besar jika dibandingkan

dengan jumlah orang Melayu yang bekerja sebagai buruh ladang, yang hanya mencatatkan seramai 2,097 orang (*Census of State of Perak*, 1891 1892, 6–7; Hare 1902, 102–103).

10. Penguatkuasaan undang-undang bagi mengekalkan orang Melayu dalam sektor penanaman padi ini turut berlaku di kawasan lain, seperti di Kedah. Walaupun enakmen yang digunakan berbeza, tujuannya masih sama, iaitu untuk mengekalkan penggunaan tanah bagi tanaman padi. Buktinya, di Kedah, Enakmen Tanah Padi telah dikuatkuasakan sejak 1917 bagi mengikat orang Melayu dengan tanaman padi di atas tanah milik mereka (Nurizwanfaizi dan Ahmad Kamal Ariffin 2023, 52–58).

11. Isu banjir ini juga merupakan antara isu penting yang turut dihadapi oleh petani padi di kawasan-kawasan penanaman padi yang utama. Misalnya di Kerian, banjir merupakan isu yang cuba diatasi oleh pentadbir kolonial namun tidak berjaya sepenuhnya. Banjir besar akan tetap berlaku dan menjejaskan tanaman padi (Siti Noor Hafizah 2019, 263). Lihat juga nota bernombor 33 pada halaman yang sama.

12. Faktor setempat merujuk kepada kawasan lain di daerah yang sama, seperti keadaan jalan di beberapa tempat di Kinta yang berada di kawasan rendah. Misalnya, jalan di Batu 6 yang terletak di Jalan Meru, jalan di Batu 63 dan 64 yang terletak berhampiran dengan Papan dan jalan di Batu 67 yang terletak berhampiran Batu Gajah. Jalan-jalan tersebut merupakan antara jalan yang berada di kawasan rendah yang mudah dilanda banjir (KLO 64/1914 1914, 5).

Rujukan

Ahmad Kamal Arifin. 1999. Majlis Mesyuarat Persekutuan, 1909–1927: Asas dan kesan pembentukannya. *Jurnal Malaysia dari Segi Sejarah* 27(3): 22–34.

Ahmad Nazri Abdullah. 1985. *Melayu dan tanah*. Selangor, Malaysia: Media Intelek.

Census of State of Perak, 1891. 1892. Perak, Malaysia: The Perak Government Printing Office.

CO 438/1–2. 1888–1939. *Annual report on social and economic progress of the people of Perak*. London: Public Record Office.

Hale, A. 1885. On mines and miners in Kinta, Pêrak. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* 16: 303–320.

Hare, G.T. 1902. *Federated Malay States census of the population* 1901. Kuala Lumpur: Government Printer.

Hirschman, C. and Yeoh, S.P. 1979. Ethnic patterns of urbanization in Peninsular Malaysia, 1947–1970. *Southeast Asian Journal of Social Science* 7(1/2): 1–19. https://doi.org/10.1163/080382479x00018

Jackson, N.R. 1963. Changing patterns of employment in Malayan tin mining. *Journal of Southeast Asian History* 4(2): 105–116. https://doi.org/10.1017/s0217781100002830

Jackson, R.N. 1961. *Immigrant labour and the development of Malaya*, 1786–1920. Federation of Malaya: The Government Press.

Jomo, K.S. 1988. *Pembangunan ekonomi dan kelas sosial di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khoo, K.K. 1998. Malaysia: Immigration and the growth of a plural society. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 71(1): 1–25.

Khoo, K.K. 1995. Teluk Anson: 1882–1941: Port, agriculture and erosion. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 68(2): 33–52.

Khoo, S.N. and Abdur-Razzaq Lubis. 2005. *Kinta Valley: Pioneering Malaysia's modern development*. Perak: Perak Academy.

Khoo, S.H. 1969. Population and land use changes in Perak 1891–1940. MA diss., University of Malaya.

KLO 64/1914. 1914. *Annual report Kinta Land Office for the year 1913*. Perak, Malaysia: Kinta Land Office.

Kratoska, P.H. 1983. "Ends that we cannot foresee": Malay reservations in British Malaya. *Journal of Southeast Asian Studies* 14(1): 149–168. https://doi.org/10.1017/s0022463400009048

Lim, T.G. 1977. *Peasants and their agricultural economy in colonial Malaya, 1874–1941*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Maxwell, G. 1901. *The land laws of Perak (past and present) 1877–1900*. Perak, Malaysia: The Perak Government Printing Office.

Nathan, J.E. 1922. *The census of British Malaya, 1921*. London: Waterloo & Sons Ltd.

Nik Haslinda Nik Hussain. 2011. *Pentadbiran kolonial dan isu pemilikan tanah di Kelantan, 1881–1941*. Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Nurizwanfaizi Nordin and Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. 2024. Diskriminasi dalam dasar tanah getah dan reaksi orang Melayu di Kedah, 1915–1932. *Sejarah: Journal of the Department of History* 33(2): 59–80. https://doi.org/10.22452/sejarah.vol33no2.4

Nurizwanfaizi Nordin and Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. 2023. Reaksi orang Melayu terhadap pelaksanaan dasar tanah padi kolonial di Kedah, 1917–1932. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 50(1): 52–71. https://doi.org/10.17576/jebat.2023.5001.04

Perak Government Gazette. 1895. Perak, Malaysia: Perak Government Press.

Pountney, A.M. 1911. *The census of the Federated Malay States 1911*. London: Darling & Son Ltd.

Sadka, E. 1968. *The protected Malay State, 1874–1895*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.

Saw, S.H. 2007. *The population of Peninsular Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. 2019. Penghijrahan masyarakat Melayu ke Kerian, Perak, 1816–1941. PhD diss., Universiti Sains Malaysia.

Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif and Mahani Musa. 2025. Malay land loss dilemma: Was the Malay Reservations Enactment 1913 relevant? *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 32(2): 1–17. https://doi.org/10.21315/kajh2025.32.2.1

Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif and Nazarudin Zainun. Forthcoming. Hutang, gadai dan kehilangan tanah: Penelitian semula terhadap kemunduran ekonomi Melayu luar bandar di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) semasa pentadbiran British, 1922–1940. *Kajian Malaysia*.

Smith, T.E. 1952. *Population growth in Malaya: An analysis of recent trends*. London: Royal Institute of International Affairs.

Sultan Nazrin Shah. 2024. *Globalization: Perak's rise, relative decline, and regeneration*. Oxford: Oxford University Press.

Tate, D. and Chai, H.C. 1962. A town that grew between two rivers. In *Ipoh: The town that tin built*, ed. L.H.C. Jennings. Malaya: The Straits Times Press.

The Royal Mint Museum. n.d. Pounds, shillings and pence. Retrieved from https://www.royalmintmuseum.org.uk/journal/history/pounds-shillings-and-pence/ (accessed 27 October 2025).

The Singapore and Straits Directory for 1881. 1881. Singapore: Mission Press.

Tunku Shamsul Bahrin. 1967a. The growth and distribution of the Indonesian population in Malaya. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 123(2): 267–286. https://doi.org/10.1163/22134379-90002906

Tunku Shamsul Bahrin. 1967b. The pattern of Indonesian migration and settlement in Malaysia. *Asian Studies* 5: 233–257.

Vlieland, C.A. 1934. The population of the Malay Peninsula: A study in migration. *Geographical Review* 24(1): 61–78. https://doi.org/10.2307/209494

Vlieland, C.A. 1932. *British Malaya: Report on the 1931 census and on certain problems of vital statistics*. London: The Crown Agent for the Colonies.

Wilkinson, R.J. 1971. *Papers on Malay subjects*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Wilkinson, R.J. 1908. *Papers on Malay subjects: History; Events prior to British ascendancy; Notes on Perak history*. Kuala Lumpur: F.M.S. Government Press.

Wilson, H.E. 1975. The evolution of land administration in the Malay States: A survey of British-inspired changes. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 48(1): 120–133.

Wong, D.S.Y. 1975. *Tenure and land dealings in the Malay States*. Singapore: Singapore University Press.

Wong, L.K. 1959. The Malayan tin industry to 1914 with special reference to the States of Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang. PhD diss., University of London.

Wray Jr., L. 1886. *Notes on Perak: With a sketch of its vegetable, animal and mineral products*. London: W. Clowes & Sons, Ltd.

Yip, Y.H. 1969. *The development of the tin mining industry of Malaya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.